

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	07 JULY 2017

SIRIG

BUDI NAJIB 1987 DILUPAKAN ...

UM - 7/7/2017
Pg. 10

PEMILIHAN anggota Majlis Tertinggi (MT) UMNO pada April 1987 diselangi beberapa peristiwa yang agak pelik. Pertama, pemilihan pada Jumaat itu ditangguhkan sehingga pukul 3 petang. Sepatutnya, pemilihan dijalankan mulai pukul 11.30 pagi.

Antara pukul 11.30 hingga 3 petang dilaporkan beberapa perkara berlaku seperti tiadanya pengawasan yang adil dan rapi berkaitan tong-tong undi dan kertas-kertas undi. Selain itu, peristiwa lampu padam selama beberapa minit di Dewan Persidangan yang mengendalikan pengundian juga mencetuskan syak wasangka.

Gara-gara kunci tong undi hilang sebentar dicurigai banyak pihak.

Sebaik sahaja keputusan, pemilihan pimpinan MT diketahui lewat pukul 8 malam 24 April 1987, suasana perjumpaan Team B di rumah Tengku Razaleigh Hamzah di Langgak Golf, Kuala Lumpur menjadi muram.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menang 43 undi. Datuk Musa Hitam kecundang di tangan Ghafar Baba lebih 80 undi.

Ramai yang keluar dari premis itu diam-diam tanpa berkata apa-apa. Ada yang mengeluarkan pendapat secara garang dan bengis. Ada mengatakan pemilihan telah dirasuk penipuan dengan lampu tiba-tiba padam buat seketika. Ada juga mendakwa jika pemilihan diadakan sebelum solat Jumaat, keputusan tentu akan berubah.

Di satu perbualan lain waktu itu, pengawal peribadi kepada keluarga Tun Abdul Razak Hussein iaitu Datuk Idris Shaari Mat Aris, 74, menasihatkan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO semasa itu, Datuk Seri Najib Tun Razak:

"Datuk Seri, sebagai pemimpin kita kena taat kepada pemimpin

MUKADIMAH SEJAK dulu lagi Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr. Mahathir Mohamad penuh dengan kerenah dan sikapnya yang kontroversi serta sukar dikawal sesiapa.

Gelagat bekas Perdana Menteri itu seolah-olah suatu seni politik 'sapu sahaja, janji boleh' - yang setara dengan inti pemikiran politik Machiavelli yang berteraskan kekuasaan.

Ikuti babak-babak yang pernah dicituskan Dr. Mahathir semasa beliau berurusan dalam parti dan kerajaan dalam 10 siri yang dilaporkan wartawan *Utusan Malaysia*, **ZULKIFLI JALIL**.



DR. MAHATHIR MOHAMAD, Abdullah Ahmad Badawi, Najib Tun Razak, Hishammuddin Hussein dan Dr. Siti Zaharah Sulaiman mengangkat tangan menyatakan ikrar taat setia kepada UMNO pada akhir perhimpunan agung parti di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur.

Andai Najib memberikan sokongan kepada Tengku Razaleigh dan Team B pada Jumaat bertuah itu, sejarah negara mungkin terus berubah.

di atas walau apa pun terjadi.

"Ikut macam daddy (Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein) buat. Macam mana dia taat kepada Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj walau-

pun banyak pihak di sekeliling mendesaknya letak jawatan Perdana Menteri."

Itulah nasihat dan teguran Idris Shaari kepada Najib. Ketika itu, dia duduk semeja makan tengah hari bertiga dengan Najib dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor. Ternyata sikap bapanya terbawabawa oleh Najib dalam politik.

Idris Shaari yang adalah pengawal peribadi kepada keluarga Tun Abdul Razak Hussein sejak 1965 dalam satu temubual dengan *Utusan Malaysia* tahun lalu masih ingat detik-detik perebutan jawatan Presiden UMNO berkenaan yang menyaksikan wujud dua

kumpulan bertanding, iaitu antara Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Tengku Razaleigh Hamzah.

Najib yang mengetuai Pemuda menyebelahi kumpulan Tengku Razaleigh.

Menurut Idris Shaari, pada malam sebelum pemilihan, Dr. Mahathir mengadakan jamuan dengan perwakilan di Hotel Hilton di ibu negara.

"Malam itu saya ada di rumah. Tiba-tiba muncul kereta polis dan kereta orang kenamaan (VIP). Keluar pemandu dan anggota polis dari dalamnya berjumpa saya supaya menemu-kan mereka dengan Najib untuk dibawa ke majlis terbabit atas arahan Dr. Mahathir.

"Lantas saya hubungi Tun Rahah Mohamed Noah (ibu Najib). Dia suruh saya pujuk dan bawa Najib ke majlis itu," jelasnya.

Idris Shaari kemudiannya ke rumah Najib di Changkat Duta yang ketika itu sedang berbin-cang dengan tiga perwakilan dari Pahang. Lama juga Najib membuat keputusan sebelum menyuruh Idris pergi dulu ke majlis berkenaan.

Tidak lama kemudian, Najib muncul dalam majlis terbabit dan menerima tepukan gemuruh daripada para hadirin. Keesokannya, Dr. Mahathir menang dan kekal sebagai Presiden UMNO.

Andai Najib memberikan sokongan kepada Tengku Razaleigh dan Team B pada Jumaat bertuah itu, sejarah negara mungkin terus berubah.

"Bagi saya, kehadiran Najib membantu membawa undi Pemuda dan perwakilan Pahang sehingga membolehkan Dr. Mahathir menang.

"Dr. Mahathir sepatutnya mengucapkan terima kasih kepada Najib kerana membuat keputusan untuk hadir pada malam itu," kata Idris Shaari.